

8 penyelidik ke Antartika kumpul lebih 200 sampel



Dr Mohamad Huzaimy (dua dari kiri) bersama tujuh penyelidik universiti tempatan yang menyertai Ekspedisi Penyelidikan Saintifik Malaysia ke Antartika 2016 ketika tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, semalam.

[FOTO AHMAD IRHAM MOHD NOOR/BH]

Sepang: Lebih 200 sampel berjaya dikumpulkan lapan penyelidik yang menyertai Ekspedisi Penyelidikan Malaysia ke Antartika 2016.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah, berkata antara sampel yang dikumpul adalah air, alga, sedimen, lumut, batuan, haiwan tidak bertulang belakang dalam laut, debunga, tanah selain turut merekodkan bacaan gas rumah hijau dalam udara serta data geomagnetik.

Katanya, ada antara sampel berkenaan yang dianalisis di

Antartika dan ada juga yang dibawa balik ke makmal di Malaysia untuk analisis selanjutnya.

Kajian hidupan Antartika

“Sampel dan bacaan yang direkodkan adalah untuk beberapa kajian saintifik yang dijalankan penyelidik berkenaan khususnya berkaitan hubung kait hidupan dengan Antartika, biodiversiti dan perubahan iklim serta kajian gas rumah hijau dan lapisan ozon.

“Hasil kajian ini akan dapat menyumbang kepada penja-

naan ilmu dan pengetahuan baharu yang boleh membantu masyarakat tempatan dan global untuk memahami fenomena perubahan iklim kerana wilayah polar (kutub) seperti Antartika adalah kawasan paling sesuai untuk kajian kerana kadar pemanasan di situ lebih tinggi berbanding kawasan lain,” katanya pada sidang media di sini, semalam.

Terdahulu, beliau menyambut ketibaan lapan penyelidik yang menyertai ekspedisi selama 22 hari bermula 18 Januari lalu yang diketuai Dr Mohamad Huzaimy Jusoh dari

Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Lapan penyelidik berkenaan mewakili UiTM, Universiti Malaysia Terengganu, **Universiti Kebangsaan Malaysia**, Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia dan Universiti Perubatan Antarabangsa.

Ekspedisi berkenaan diselenggarakan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi melalui agensinya Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan (YPASM).

Pembentangan di SCAR

Abu Bakar berkata, penemuan daripada penyelidikan kumpulan penyelidik itu juga akan dibentangkan pada Persidangan Sains Jawatankuasa Saintifik Penyelidikan Antartika (SCAR) 2016, Ogos ini.

Sementara itu, Mohamad Huzaimy berkata, ketika di Antartika mereka sempat singgah di Stesen Penyelidikan King Sejong milik Korea Selatan yang terletak di King George Island.

“Antara tapak persampelan sepanjang ekspedisi ini ialah Greenwich Island, Deception Island, Darboux Island, Danco Coast, Paradise Bay, Enterprise Island dan Trinity Island,” katanya.

Katanya, antara cabaran yang dihadapi peserta ekspedisi berkenaan termasuk terpaksa membuat pusingan balik selepas berlepas dari pelabuhan Ushuaia di Argentina akibat cuaca buruk dan angin kencang dengan kelajuan sehingga 80 kilometer sejam (km/j).

“Selain itu, ombak besar setinggi enam meter terpaksa ditempuhi sehingga membuatkan kami hanya mampu baring saja dalam kapal layar itu yang hanya mampu bergerak dengan kelajuan 20 km/j akibat cuaca buruk,” katanya.